

ISU DAN CABARAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING BAGI MURID BERKEPERLUAN KHAS DALAM PEMBELAJARAN

Issues and Challenges of Guidance and Counseling Services for Students with Special Needs in Learning

Aishah Abdul Mutalib & Mazita Ahmad*

*Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia*

*Corresponding author: mazita@fpm.upsi.edu.my

Published: 10 December 2024

To cite this article (APA): Abdul Mutalib, A., & Ahmad, M. (2024). Isu dan cabaran perkhidmatan bimbingan dan kaunseling bagi murid berkeperluan khas dalam pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(Isu Khas 3), 21–30. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp3.3.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp3.3.2024>

ABSTRAK

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah merupakan suatu perkhidmatan yang penting bukan sahaja kepada murid aliran perdana malahan juga kepada murid yang tidak berkeupayaan dalam pembelajaran. Dianggarkan sebanyak 10 peratus murid dalam kalangan Murid Berkeperluan Khas (MBK) yang menjalani sesi persekolahan dalam aliran pendidikan khas di sekolah. MBK turut memerlukan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sepertimana murid-murid lain yang berada dalam arus perdana. Jelaslah perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sangat penting dalam pembangunan modal insan murid golongan ini di sekolah. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneroka isu dan cabaran yang dihadapi oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) di sekolah serta meneroka strategi yang digunakan dalam membantu murid ketidakupayaan dalam pembelajaran menguruskan tuntutan keperluan psikologi dan persekolahan mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan rekabentuk kajian kes yang melibatkan empat orang GBK yang dipilih menerusi teknik persampelan bertujuan di empat buah sekolah menengah harian di negeri Perlis. Kaedah pengumpulan data menggunakan teknik temu bual mendalam dan data yang dikumpul dianalisis menggunakan analisis tematik dengan menggunakan perisian NVIVO versi 14. Hasil kajian mendapati muncul 10 tema utama iaitu tiga tema bagi isu yang dihadapi oleh GBK iaitu; isu ketidakpercayaan, fasiliti, dan peruntukan kewangan, dua tema bagi cabaran yang dihadapi GBK; sokongan dan penerimaan keluarga dan tingkah laku MBK, manakala lima tema bagi strategi yang diambil oleh GBK; intervensi awal, teknik komunikasi dan role-play, menggunakan peralatan, menyediakan hala tuju dan melibatkan MBK dengan program komuniti. Implikasi kajian ini menjelaskan bahawa isu dan cabaran yang dialami oleh GBK perlu diatasi dengan memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan serta diberi latihan yang sewajarnya agar dapat memperkasakan perkhidmatan kepada golongan ini.

Kata Kunci: guru bimbingan dan kaunseling, murid ketidakupayaan dalam pembelajaran, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, pendidikan khas

ABSTRACT

Guidance and counseling services in schools are an important service not only for mainstream students but also for students who have learning difficulties. It is estimated that about 10 percent of students among Special Needs Students (Murid Berkeperluan Khas MBK) attend special education sessions in schools. MBK also requires guidance and counseling services just like other mainstream students. It is clear that guidance and counseling services are crucial in the development of human capital for these students in schools. Therefore, this study was conducted to explore the issues and challenges faced by guidance and counseling teachers (Guru Bimbingan dan

Kaunseling GBK) in schools, as well as to examine the strategies used in helping students with learning disabilities manage their psychological and school demands. This study employs a qualitative approach with a case study design involving four GBK selected through purposive sampling at four daily secondary schools in the state of Perlis. The data collection method used in-depth interview techniques, and the collected data were analyzed using thematic analysis with NVIVO version 14 software. The study findings revealed the emergence of 10 main themes, namely three themes for the issues faced by GBK: issues of insecurity, facilities, and financial allocation; two themes for the challenges faced by GBK: family support and acceptance and the behavior of MBK; and five themes for the strategies adopted by GBK: early intervention, communication techniques and role-play, using equipment, providing direction, and involving MBK in community programs. The implications of this study explain that the issues and challenges faced by GBK need to be addressed by improving the service delivery system and providing appropriate training to empower the services for this group.

Keywords: *guidance and counseling teacher, special needs students, guidance and counseling services, special education*

PENGENALAN

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling merupakan suatu perkhidmatan yang penting dalam sistem persekolahan dalam menyokong pembangunan sahsiah dan kecemerlangan akademik murid. Perkhidmatan ini bukan sahaja diperlukan kepada murid aliran perdana malah murid pendidikan khas atau dikenali sebagai Murid Berkeperluan Khas (MBK) juga tidak wajar diabaikan dalam mendapatkan perkhidmatan ini. Norafifah dan Hashim (2019), menyatakan Murid Berkeperluan Khas (MBK) terdiri daripada murid yang memiliki masalah pembelajaran, kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, kurang upaya pertuturan, kurang upaya fizikal dan kurang upaya yang pelbagai. Hal ini memperlihatkan kepelbagaian murid yang sudah tentu perlu disantuni mengikut kaedah dan cara mereka yang tersendiri agar terus berkembang dan membangunkan potensi dalam diri mereka. Salleh (2019) menyatakan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) membantu murid dari aspek akademik, kerjaya dan isu sosial serta merangsang motivasi murid untuk membantu kejayaan mereka pada masa hadapan. Dalam hal ini GBK turut berperanan memberikan perkhidmatan yang setara kepada MBK dalam membantu menangani sebarang permasalahan psikologi yang mungkin dihadapi. Menurut Fatin Azman et al. (2019), MBK agak sukar untuk difahami tetapi mereka tetap memerlukan sokongan dan dorongan daripada masyarakat sekeliling khususnya penglibatan daripada ahli keluarga mereka sendiri untuk meneruskan kehidupan dengan lebih baik.

Menurut sumber daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) seramai 637,537 Orang Kurang Upaya (OKU) telah berdaftar setakat 31 Januari 2023. Kategori keperluan khas paling ramai berdaftar ialah golongan yang mengalami masalah pembelajaran, iaitu seramai 235,731 dan diikuti oleh masalah fizikal (219,218), masalah penglihatan (55,240), masalah mental (52,412), masalah pendengaran (42,652), masalah pertuturan (3,397) dan 28,887 yang mempunyai masalah pelbagai kombinasi, manakala lebih kurang 22% daripada jumlah ini merupakan kanak-kanak yang berusia 6 hingga 18 tahun. Individu kurang upaya pembelajaran merupakan individu yang mengalami masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikalnya seperti *Global Developmental Delay (GDD)*, *Sindrom Down*, *Attention Defisit Hyperactivity Disorder (ADHD)*, Autisme, Intelektual dan *Special Learning Disability (Dyslexia, Dyscalculia dan Dysgraphic)*.

Justeru, terdapat pelbagai isu dalam kalangan MBK seperti krisis identiti, gejala sosial, perkembangan fizikal dan sahsiah serta mengalami perkembangan sistem nilai dalam masyarakat yang kompleks yang tidak dapat diselesaikan sendiri oleh MBK sendiri (Abu Yazid & Siti Nurliyana, 2020). Tambahan pula Zamri et al. (2020), menyatakan ibu bapa percaya bahawa perkhidmatan kaunseling dapat membantu mereka dalam penjagaan diri, keperluan dan pengurusan pendidikan dan keperluan pekerjaan serta masa depan anak-anak mereka. Ibu bapa menjadi lebih bersemangat dalam menguruskan anak berkeperluan khas kerana telah mendapat dorongan dan bimbingan yang baik daripada GBK.

PERNYATAAN MASALAH

Adalah dianggarkan sebanyak 10 peratus murid dalam kalangan Murid Berkeperluan Khas (MBK) yang menjalani sesi persekolahan dalam aliran pendidikan khas di sekolah. MBK yang mengikuti sesi persekolahan juga merupakan murid yang mempunyai sekurang-kurangnya satu masalah dalam bidang akademik. Justeru, Murid Berkeperluan Khas (MBK) turut memerlukan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sepertimana murid-murid lain yang berada dalam arus perdana (Zamri et al. 2020). Namun, Norafifah & Hashim (2019), menyatakan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) kurang memberikan perhatian kepada pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK. Hal ini menimbulkan persoalan kepada pengkaji untuk meneroka isu yang dihadapi oleh GBK dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK di sekolah.

Azharizah & Salleh (2019) menyatakan GBK tidak mendapat pendedahan mengenai cara mengendalikan sesi apabila berhadapan dengan klien yang terdiri daripada golongan berkeperluan khas. Hal ini selari dengan dapatan Abu Yazid & Nurliyana (2020) menyatakan bahawa kebolehan GBK dalam mengendalikan program atau aktiviti yang melibatkan MBK adalah rendah. Hal ini disebabkan GBK merasa kurang berkeyakinan dan pengetahuan bagaimana untuk memberikan perkhidmatan khusus apabila melibatkan MBK. Tambahan pula, GBK tidak menerima latihan yang khusus untuk mengendalikan kaunseling kepada MBK. Ketiadaan pengkhususan latihan di institusi pendidikan yang melatih para guru mahupun latihan dalam profesional di sekolah menyukarkan GBK untuk memberi perkhidmatan agar mencapai keberhasilan dalam kemenjadian murid secara menyeluruh (Sazalia & Rosadah 2019; Rosli 2023). Oleh itu, keadaan ini menjadi dorongan kepada pengkaji untuk meneroka cabaran yang dihadapi oleh GBK dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK.

Dalam menyantuni golongan ini, satu proses yang membekalkan perkhidmatan, pendidikan dan sokongan terhadap perkembangan fizikal atau mental diperlukan agar dapat mempengaruhi perkembangan dan mengurangkan halangan pembelajaran dalam kalangan MBK. Oleh itu, Saiful (2020) menekankan intervensi perlu diaplikasikan dari awal tumbesaran anak-anak MBK. Walau bagaimanapun, Fatin Azman et al. (2019) menyatakan kelompok ini agak sukar untuk difahami tetapi mereka tetap memerlukan sokongan dan dorongan dari orang lain untuk meneruskan kehidupan dengan baik. Justeru hal ini menimbulkan minat pengkaji untuk meneroka strategi yang diambil oleh GBK dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap MBK di sekolah.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk meneroka:

- i. Isu yang dihadapi oleh GBK dalam memberikan perkhidmatan kaunseling kepada MBK dalam pembelajaran di sekolah.
- ii. Cabaran yang dihadapi oleh GBK dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK di sekolah.
- iii. Strategi yang diambil oleh GBK dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK di sekolah.

METODOLOGI

Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes dalam meneroka isu, cabaran dan strategi yang dihadapi oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) dalam memberikan perkhidmatan kepada Murid Berkeperluan Khas (MBK) di sekolah. Pengkaji menggunakan teknik persampelan bertujuan dan peserta kajian dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan iaitu; GBK yang berkhidmat di sekolah aliran perdana dan aliran pendidikan khas, mempunyai pengalaman dalam mengendalikan perkhidmatan

bimbingan dan kaunseling kepada murid pendidikan khas, dan berpengalaman sekurang-kurangnya lima tahun dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Peserta yang terpilih, iaitu seramai empat orang GBK dari empat buah sekolah menengah di Perlis seperti di Jadual 1.

Jadual 1 Profil peserta kajian

Peserta Kajian	Umur	Jantina	Pendidikan	Institusi	Tahun perkhidmatan
1	37	Perempuan	Ijazah Sarjana Muda Bimbingan dan Kaunseling	UPSI	12
2	38	Perempuan	Ijazah Sarjana Muda Kaunseling	UUM	13
3	46	Perempuan	Ijazah Sarjana Muda Bimbingan dan Kaunseling	UPSI	17
			Ijazah Sarjana Sains Kaunseling	UUM	
4	46	Perempuan	Diploma Pendidikan Islam Ijazah Sarjana Muda Kaunseling	KIJ UPSI	17

Kajian ini telah melalui prosedur mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan pengetua daripada empat buah sekolah yang terlibat. Peserta kajian juga turut diberikan borang persetujuan termaklum dan telah diterangkan berkaitan tujuan kajian, potensi risiko dan ketidakselesaian, kerahsiaan dan penglibatan secara sukarela. Pengkaji memastikan semua maklumat peribadi peserta dirahsiakan dan hanya digunakan untuk tujuan kajian ini sahaja.

Tugas pengumpulan data melibatkan daripada proses awal iaitu menyediakan soalan protokol temu bual dan mendapat kesahan daripada dua orang pakar dalam bidang bimbingan dan kaunseling. Sebaik sahaja mendapat kebenaran dan persetujuan daripada peserta kajian, pengkaji menjalankan temu bual secara bersemuka yang mengambil masa bagi setiap sesi temu bual adalah antara 45 hingga 60 minit. Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah temu bual mendalam secara separa berstruktur, yang setiap temu bual tersebut dirakam menggunakan alat rakaman audio. Seterusnya rakaman tersebut ditranskripsikan dalam bentuk verbatim. Data dianalisis menggunakan perisian NVIVO versi 14 dan dianalisis menggunakan analisis tematik.

Bagi memastikan kajian ini beroleh kesahan dan kebolehpercayaan data, pengkaji melakukan kesahan melalui triangulasi data antara peserta. Selain itu, semakan peserta (*members checking*) turut dilakukan dengan meminta peserta menyemak semula transkrip temu bual mereka untuk memastikan ketepatan maklumat (Merriam 2001; Othman 2006). Kebolehpercayaan dalam kajian ini dicapai melalui triangulasi peserta dan semakan peserta (*members checking*). Pengkaji turut memastikan konsistensi dalam pengumpulan data dengan menggunakan protokol temu bual yang sama untuk setiap peserta dan melakukan transkripsi data secara cermat dan berhati-hati agar tidak ada data yang tertinggal. Pengkaji kemudiannya membuat semakan semula data agar tiada percanggahan data dan memastikan konsistensi data yang tepat dan boleh dipercayai.

Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah 3C's (Lichtman 2010), yang melibatkan tiga tahap utama: pengkodan, pengkategorian, dan pembentukan konsep. Proses ini bermula dengan transkrip temu bual, pengkodan, pengkategorian dan akhirnya menghasilkan pembentukan konsep dan tema. Langkah yang pertama, pengkaji akan melakukan koding permulaan (*initial coding*) dengan menggunakan aplikasi NVIVO 14. Langkah ini merupakan proses di mana pengkaji menyatakan idea permulaan berkaitan transkrip yang dibaca dan mencari isi penting berdasarkan kenyataan peserta kajian. Langkah kedua adalah, menyemak koding permulaan (*revisiting initial coding*) dengan menyemak kembali koding permulaan yang dilakukan dengan membangunkan atau menggantikan dan menamakan kembali beberapa koding permulaan yang telah ditulis sebelum ini.

Kemudian, pengkaji akan meneruskan langkah ketiga iaitu membina kategori senarai pertama dan idea utama dan diikuti dengan langkah mengubah suai senarai pertama berdasarkan pembacaan berulang kali. Pada akhir proses analisis data ini, pengkaji menyemak kembali kategori dan subkategori dan akhirnya memindahkan kategori kepada konsep atau tema yang bersesuaian dalam dapatan kajian tersebut.

DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian menemui 10 tema utama iaitu terdiri daripada tiga tema bagi isu yang dihadapi oleh GBK iaitu; isu ketidakpercayaan, fasiliti, dan peruntukan kewangan, dua tema bagi cabaran yang dihadapi GBK; sokongan dan penerimaan keluarga dan tingkah laku MBK, manakala lima tema bagi strategi yang diambil GBK; intervensi awal, teknik komunikasi dan *role-play*, menggunakan peralatan, mengenalpasti hala tuju selepas tamat sekolah dan melibatkan MBK dengan program komuniti.

Isu yang dihadapi oleh GBK

Hasil analisis data menemui telah muncul tiga tema bagi isu yang dihadapi oleh GBK iaitu isu ketidakpercayaan, fasiliti dan peruntukan kewangan.

Isu ketidakpercayaan GBK: Peserta kajian menyatakan tidak mempunyai keberanian untuk mendekati MBK kerana tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk mengurus dan mengawal murid-murid tersebut. Peserta 1 menyatakan “Saya tak berani dengan mereka sebab saya tak tahu macam mana nak *control*”. Namun terdapat juga peserta kajian yang mampu mendekati MBK dan menjalankan sesi kaunseling kelompok bersama mereka tetapi dalam jumlah yang terhad hanya kepada dua orang sahaja. Menurut peserta kajian ini beliau tiada keyakinan dan tidak berani menjalankan kaunseling kelompok sekiranya jumlah murid tiga orang ke atas. “Tapi dah lama-lama kita rasa kita macam tak mampu nak *handle* tau, sebab yang ni dia macam, dia punya *attraction* dia macam lain. Yang ni kita nak kena dekati dia macam lain. Tak berani nak buat sesi setakat ini, cikgu tak berani nak buat lagilah sebab kaunseling kelompok tu, kalau sampai lima enam orang memang tak beranilah. Dua, berani lagilah, kalau tiga empat tu memang tak buat” (Peserta 4).

Hasil analisis data mendapati isu ketidakpercayaan GBK merupakan suatu isu yang muncul disebabkan oleh kurangnya latihan dalam pembangunan profesional GBK dalam menyantuni MBK. Tiga daripada empat peserta menyatakan tiada latihan khusus menyebabkan mereka sukar untuk berurusan dan memberikan perkhidmatan kepada MBK. Hal ini seperti dinyatakan oleh Peserta 1 “Kita tidak diajar teknik untuk *control* depa (mereka)”. Peserta 2 turut menyatakan “Sebab itu mencabar untuk saya sebab kita takde latihan yang khusus sebab cikgu diberi *training* kepada murid-murid biasa”. Peserta 4 turut menegaskan “Sebab takde kursus yang khusus untuk nak faham murid pendidikan khas ni”.

Isu fasiliti sekolah: Kemudahan fasiliti seperti bilik kaunseling, makmal komputer dan sebagainya merupakan aspek yang penting bagi membantu MBK memperkembangkan potensi diri di sekolah. Fasiliti yang mencukupi juga dapat membantu MBK menikmati rasa selesa dan seronok semasa belajar. Namun, hasil dapatan kajian mendapati kemudahan fasiliti di sekolah seperti bilik kaunseling tidak mesra MBK berikutan lokasi bilik yang berada di tingkat 3. Peserta 2 menyatakan bahawa di sekolahnya bilik kaunseling berada di tingkat 3 jadi agak sukar untuk MBK naik dan mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. “Kalau dari segi sokongan, dari segi fasiliti, kalau kita tengok fasiliti tu sangat kurang untuk murid yang kurang upaya, banyak benda yang tak dak. Pihak sekolah kadang macam tak beri fokus fasiliti bilik kaunseling juga. Ya betul bilik kaunseling di sini tingkat 3. Jangan cakap murid PPKI, murid biasa pun jenuh nak mai sini, kena cikgu heret mai sini baru nak mai, kita kena pi ambil depa baru depa nak mai, jadi biarlah kondusif dan strategik tapi tak pa lah cikgu terima saja” (Peserta 2).

Peruntukan kewangan: Sumber kewangan merupakan nadi yang dapat menggerakkan sesuatu program atau aktiviti bimbingan dan kaunseling dijalankan di sekolah. Sumber kewangan yang terhad dan prosedur yang ditetapkan bagi mendapatkan sumber kewangan tertentu menyukarkan tugas-tugas penyampaian perkhidmatan yang berkesan. Peserta 1 menyatakan “Kalau orang luar yang tak tau kita punya bidang kan, kerja cikgu kaunselor ni senanglah buat sesi, buat program je dengan semua murid, kalau isu cikgu minta duit even RM1 untuk fotostat pun jadi isu kan, padahal dia tak tahu semua benda kalau boleh nak buat tu sebab kita under kerajaan jadi nak guna duit sekolah, duit kerajaan, prosedur dia banyak”.

Cabaran yang dihadapi oleh GBK

Hasil dapatan kajian mendapati muncul dua tema bagi cabaran yang dihadapi oleh GBK iaitu sokongan dan penerimaan keluarga dan tingkah laku MBK itu sendiri.

Sokongan dan penerimaan keluarga: GBK menghadapi cabaran daripada pihak keluarga MBK sendiri dari segi penglibatan mereka terhadap anak-anak dalam kalangan MBK. Terdapat ibu bapa MBK yang kurang cakna dengan kehadiran anak-anak ke sekolah dan isu ponteng turut berlaku dalam kalangan MBK. Hal ini dinyatakan oleh Peserta 2 “Sepanjang cikgu berkhidmat, ini isu yang sering terjadi iaitu ponteng, di mana cabaran kita sebagai GBK setiap tahun kita mengadap benda yang sama”. GBK turut menerima cabaran daripada keluarga MBK yang kurang memberi sokongan dan tidak memahami dan menerima situasi anak mereka seadanya. Peserta 4 menyatakan “*Expectation parents* tu tinggi, dia nak anak tu macam anak orang lain kan? Budak tu memang stres lah, dia dok harap budak ni elok la, Jadi tak..tak bolehla kan, sepatutnya dia kena ikut tahap depa (anak)”

Tingkah laku MBK: GBK turut menghadapi cabaran dalam menguruskan MBK kerana sukar untuk mendapatkan kerjasama daripada mereka. Hal ini disebabkan oleh ketidakupayaan dalam pembelajaran serta kelemahan dalam menjalinkan hubungan dan interaksi dengan orang lain. Hal ini dinyatakan oleh Peserta 1 “Sikap mereka menjadi isu buat saya nak menyampaikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini. Kalau murid tu macam tak memberikan kerjasama macam mana, susahkan?” dan Peserta 2 menyatakan “Setakat ini yang mana cikgu buat program tu ada yang okey, ada yang senyap saja, *time* saya buat program ada yang tak hadir”.

Strategi yang diambil oleh GBK

Hasil analisis data mendapati GBK menggunakan beberapa strategi dalam membantu dan menyampaikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK di sekolah. Strategi tersebut adalah GBK menjalankan intervensi awal, menggunakan teknik komunikasi dan *role-play*, menggunakan peralatan, mengenalpasti hala tuju selepas tamat sekolah dan melibatkan MBK dengan program komuniti.

Intervensi awal: GBK mengambil langkah proaktif untuk membantu MBK dengan melakukan intervensi awal untuk mengenal pasti keperluan khas mereka. Strategi yang diambil oleh GBK adalah melakukan penilaian dan saringan awal ketika murid mula memasuki tingkatan satu. Peserta 1 menyatakan “Macam di sini ada aliran Pendidikan khas ada kelebihan terutamanya di tingkatan 1 sebab murid yang baru ini kita dapat kenal pasti yang mana murid yang tidak lancar membaca, yang tidak boleh fokus masa cikgu ajar”. Peserta 2 turut menyatakan, “Masa awal masuk tingkatan 1 memang kita ada *detect* untuk buat ujian semua tu, murid mana yang kita nampak sebab bila buat perjumpaan kita akan tengok cara komunikasi dan buat ujian waktu tu, dalam kelas tengok adakah dia boleh buat ke tidak atau apa yang cikgu cakap tu faham ke tak faham ke”.

Menggunakan teknik komunikasi dan role-play: GBK menggunakan teknik komunikasi yang sesuai dengan aras penerimaan MBK untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan berkesan. Hal ini dilakukan untuk memastikan MBK berupaya menerima maklumat dan pembelajaran dengan baik serta dapat membina keyakinan diri mereka untuk berinteraksi dengan murid yang lain. Peserta 3 menyatakan “Saya turunkan aras pengajaran saya, jadi kita pun jadi macam depa (mereka) jugalah”. Hal ini disokong

oleh Peserta 4 dengan menyatakan “Kita kena cakap dengan bahasa yang dia mudah fahamlah”. Dalam hal ini GBK turut mengaplikasikan teknik *role-play* untuk menguji kefahaman MBK seperti yang dinyatakan oleh Peserta 2 “Teknik saya guna adalah saya buat secara *role play*, maksudnya kita minta depa tunjukkan, nak tengok depa (mereka) faham ke tidak. Saya akan panggil dalam 2 atau 3 orang tunjuk cara nak senyum pada orang”

Menggunakan peralatan: GBK turut menggunakan bahan dan peralatan dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Menurut GBK penggunaan bahan dan peralatan yang sesuai boleh membantu mereka agar menyediakan perkhidmatan yang lebih menyeluruh dan berkesan serta membantu MBK dalam pembelajaran untuk mencapai matlamat mereka dengan lebih baik. Peserta 1 menyatakan “Saya akan buat test sikit lah, saya akan sediakan buku ke, saya suruh dia baca dulu, dari segi pembacaan kita dengar dulu kemudian saya bagi kertas, *then* suruh dia tulis kemudian saya minta dia tuliskan apa perkara yang membuatkan klien gembira”. Begitu juga dengan Peserta 4 yang menyatakan “Saya suka kepada slot yang motivasi yang *enjoy*. Contohnya muzik-muzik, main guna muzik. Main permainan. Jadi benda tu tak *boring*, tak bosan. Kita akan bagi diorang *happy* dengan cara tunjuk bahan. Kita bawa. Contohnya kita bawak bola. Kita kata "haaa..tengok cikgu bawak apa ni? Ha...camtu”.

Mengenalpasti hala tuju selepas tamat sekolah: Murid aliran pendidikan khas ini khususnya MBK mempunyai hala tuju yang berbeza-beza selepas tamat persekolahan dan hal ini bergantung kepada keperluan, kebolehan dan minat mereka. GBK di sekolah bertanggungjawab untuk memberikan bimbingan dan nasihat kepada MBK serta memainkan peranan untuk menjejak perkembangan mereka selepas tamat persekolahan. Peserta 2 menyatakan “Pihak kaunseling sendiri ada *track* depa lepas habis belajar, ke mana depa pergi dan cikgu akan dapatkan maklumat berapa orang yang ada kerja”.

Penglibatan dengan komuniti: GBK turut mengadakan program-program motivasi dengan melibatkan MBK dengan murid arus perdana, ibu bapa dan juga komuniti. Strategi ini dilakukan untuk menyediakan MBK kepada dunia luar agar dapat menambahkan keyakinan diri berinteraksi dan menjalinkan hubungan sosial dengan orang lain. Peserta 2 menyatakan “Kita juga ada buat program dengan komuniti, kita dedahkan depa kepada komuniti, buat program dengan orang luar dan saya pun melibatkan diri. Dan ada juga program jalinan dengan budak aliran perdana, fokus kepada pengurusan diri”. Strategi yang diaplikasikan ini boleh membuat GBK melihat hasil kemenjadian seorang murid di aliran pendidikan khas selepas diberikan perkhidmatan di sekolah. Secara tidak langsung, akan memberikan idea untuk GBK melakukan penambahbaikan untuk masa akan datang.

PERBINCANGAN

Hasil kajian ini berjaya mengemukakan dapatan yang mendalam dalam isu dan cabaran yang dihadapi oleh GBK dalam menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK dalam pembelajaran di sekolah.

Isu yang dihadapi oleh GBK

Dapatan kajian mendapati terdapat isu ketidakpercayaan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Dapatan kajian ini selari dengan kajian terdahulu oleh Azharizah & Salleh (2019) yang menyatakan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan GBK kurang berkeyakinan untuk berhadapan dengan klien yang terdiri daripada Murid Berkeperluan Khas (MBK) di sekolah. Hasil kajian ini juga menyokong kajian terdahulu oleh Nisrin Zalchary dan Abu Yazid et al. (2019) dan Azharizah dan Salleh (2019) yang menyatakan GBK juga didapati tidak mempunyai keyakinan dan tiada pengetahuan untuk memberikan perkhidmatan kepada MBK. Hal ini jelas mengesahkan isu keyakinan diri dalam kalangan GBK memang telah wujud dari tahun sebelumnya dan masih tidak dapat diatasi dengan baik sehingga kajian ini dijalankan. Selain itu, dapatan kajian juga mendapati prosedur untuk mendapatkan peruntukan kewangan sekolah yang agak rumit dan

memerlukan masa lama untuk mendapatkan kelulusan bagi menaik taraf pengurusan bimbingan dan kaunseling. Prosedur yang kompleks akan menyukarkan GBK dalam mendapatkan sumbangan atau dana yang sepatutnya. Dapatan ini selari dengan kajian lepas oleh Mohd Razimi et al. (2020) yang menyatakan bahawa menyediakan kertas kerja bagi memohon atau meminta sumbangan wang dan prasarana yang diperlukan adalah satu kerja yang memakan masa yang panjang.

Cabaran yang dihadapi oleh GBK

Fatin Azman (2019) yang menyatakan bahawa walaupun sukar memahami MBK namun mereka tetap memerlukan sokongan dan dorongan dari orang sekeliling terutama penglibatan daripada ahli keluarga untuk meneruskan kehidupan yang baik. Namun, kajian ini mendapati GBK menghadapi cabaran daripada keluarga MBK sendiri yang kurang memberi sokongan. Kajian ini dapat menyokong kajian lalu oleh Zamri et al. (2020) yang menyatakan MBK sering diabaikan oleh orang sekeliling mereka disebabkan ibu bapa masih kurang pengetahuan dalam menguruskan anak-anak yang berkeperluan khas.

Strategi yang diambil oleh GBK

Pelbagai langkah dan strategi yang diambil oleh GBK dalam memastikan MBK dapat menikmati perkhidmatan yang sama seperti mana murid dalam aliran perdana. Bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan GBK telah menjalankan beberapa strategi antaranya adalah melibatkan MBK dengan program komuniti. Usaha GBK turut melibatkan masyarakat dan ibu bapa dalam proses pendidikan dan kaunseling, MBK dapat diberi peluang yang sama untuk berkembang dan berjaya seperti murid aliran perdana. Kajian ini selari dengan Zamri et al. (2020) yang menunjukkan peranan pihak sekolah dalam menyediakan persekitaran yang menyokong dan inklusif kepada MBK dalam pembelajaran. Program yang diadakan ini juga dapat menggalakkan MBK sentiasa hadir ke sekolah seperti yang dinyatakan Nurul Safura (2022) salah satu kaedah bagi meningkatkan kehadiran murid berkeperluan khas ke sekolah adalah dengan melibatkan kerjasama GBK dengan melakukan program amalan guru penyayang bagi mengendalikan isu ketidakhadiran murid berkeperluan khas ke sekolah.

IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian ini mendapati bahawa Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) menghadapi isu dan cabaran dalam menyantuni Murid Berkeperluan Khas (MBK) dalam mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Isu ketidakpercayaan GBK disebabkan tiada latihan khusus untuk memberi intervensi yang sewajarnya kepada MBK perlu diberi perhatian serius oleh pihak kementerian dan pentadbir sekolah agar MBK tidak terabai dan wajar mendapat manfaat daripada perkhidmatan tersebut. Begitu juga dengan isu kemudahan fasiliti dan peruntukan kewangan yang harus dititikberatkan dalam penyampaian perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dengan berkesan. Kajian ini memberi implikasi secara tidak langsung kepada MBK agar mereka mendapat perhatian yang sewajarnya dan tidak disisihkan dalam menerima sokongan dalam pembelajaran mereka. Semua pihak yang terlibat yang terdiri daripada ibu bapa, ahli keluarga, guru, guru bimbingan dan kaunseling, pentadbir sekolah dan kementerian haruslah bertindak secara proaktif dan bersama agar golongan murid berkeperluan khas mendapat pendidikan, sokongan dan perhatian yang sebaik mungkin dalam memastikan kemenjadian berterusan sehingga mereka tamat sesi persekolahan.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu mengambil inisiatif segera bagi meningkatkan pembangunan dan perkembangan akademik, sahsiah dan kokurikulum murid berkeperluan khas di sekolah dalam menghadapi abad kini. Tindakan sewajarnya perlu dilakukan bagi memastikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada warga MBK tidak ketinggalan seperti mana yang dilakukan di negara maju yang turut memberikan fokus kepada murid golongan yang kurang upaya dan berusaha untuk memberikan hak yang sama kepada mereka seperti orang normal yang lain.

Pentadbir sekolah perlu menambahbaik pemantauan, penilaian dan pemeraksanaan sumber manusia yang berterusan untuk memastikan keberkesanan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh GBK di sekolah. GBK perlu diberikan latihan seperti bengkel dan kursus yang spesifik agar murid berkeperluan khas memperoleh pembelajaran secara inklusif di sekolah. Pihak pentadbir juga wajar mendapat maklum balas dan berbincang bersama GBK agar dapat membuat penambahbaikan perkhidmatan dari semasa ke semasa secara berterusan. GBK juga akan cakna dengan maklum balas yang diberi untuk dipandang dari sudut positif bagi melakukan penambahbaikan segera.

GBK merupakan individu yang memainkan peranan utama dalam membentuk dan menilai personaliti dan sahsiah murid semasa di sekolah. Kajian ini memberi kesedaran kepada GBK tentang pentingnya untuk peka dengan keperluan khas murid ketidakupayaan dalam pembelajaran kerana memahami persekitaran dan diri mereka dapat memberikan sokongan yang lebih berkesan. Justeru, GBK perlu sentiasa memperkembangkan profesionalisme GBK dengan menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran. GBK perlu memastikan diri mereka sentiasa berada di hadapan dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini dengan persediaan yang mencukupi agar perkhidmatan ini dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan kepada murid terutama murid ketidakupayaan dalam pembelajaran. Dalam hal ini, pihak ibu bapa juga turut sama-sama terlibat menjalankan kerjasama dengan pihak sekolah dan GBK dengan memberi sokongan dan penglibatan dalam aktiviti dan program yang dijalankan. Ibu bapa juga perlu menambah ilmu pengetahuan tentang perkembangan dan situasi anak mereka agar lebih memahami dan berusaha memberikan perhatian dengan lebih baik.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian ini mempunyai beberapa batasan termasuk saiz sampel yang kecil dan tertumpu hanya kepada empat buah sekolah di Perlis sahaja. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk memperluaskan skop kajian dengan melibatkan lebih banyak sekolah di seluruh negara bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru bimbingan dan kaunseling. Kajian lanjutan juga boleh menumpukan kepada kajian intervensi yang melibatkan pelaksanaan program kaunseling khusus kepada murid berkeperluan khas dengan menilai keberkesanan program tersebut dalam membuat penambahbaikan agar dapat meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada MBK. Selain itu, mempelbagaikan metodologi kajian pada masa akan datang dengan menjalankan kajian seperti tinjauan, kajian tindakan dan mengkaji hubungan antara sesuatu pemboleh ubah dalam konteks penyampaian perkhidmatan dilihat dapat memberi maklumat yang lebih komprehensif dalam konteks penambahbaikan penyampaian bimbingan dan kaunseling secara inklusif kepada murid berkeperluan khas di sekolah.

RUMUSAN

Kajian ini memberi kefahaman berkaitan isu-isu dan cabaran yang dihadapi serta strategi yang digunakan oleh guru bimbingan dan kaunseling dalam memberikan perkhidmatan kepada murid berkeperluan khas di sekolah. Dengan kefahaman yang dibentangkan dalam kajian ini mampu memberi manfaat kepada bidang kaunseling, terutamanya meningkatkan motivasi agar dapat meningkatkan profesional dan kemahiran guru bimbingan dan kaunseling dalam menyantuni murid berkeperluan khas terutama murid yang mengalami ketidakupayaan pembelajaran di sekolah.

RUJUKAN

- Abu Yazid Abu Bakar & Siti Nurliyana Ahmad. (2020). Counselling and Guidance Services for Special Education Pupils: *An Analysis of Research Literature. Global Conferences Series: Social Sciences, Education and Humanities (GCESSSEH)*, 4.
- Anis Shahirah Zulkifli & Suziyani Mohamed. (2019). Tahap Pengetahuan Guru dalam mengurus tingkah laku murid berkeperluan khas. *International Conference on Business Studies and Education*.
- Azharizah Saimi & Salleh Amat. (2019). *Kesediaan dan Keperluan Latihan Kepada Kaunselor Sekolah Dalam Program Pendidikan Khas*.
- Dr Obraori N.P. Adiola. (2022). Psychological Challenges and School Adjustments of Undergraduates with Physical Disabilities in Rivers State Owned Universities. *European Journal of Education and Development Psychology* (11)(1).
- Fatin Athirah Azman, Salleh Amat, Khadijah Hashim & TeeYin Ai. (2019). Pendekatan Psikopendidikan Terhadap murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). *Southeast Asia Psychology Journal* 8 (116-129).
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi Keempat. (2017). Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Retrieved August 3, 2024. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=perkhidmatan>
- KPM. (2018). *Modul Latihan Pembangunan Profesional Guru (Pendidikan Inklusif)*.
- Lia Mareza & Agung Nugroho. (2019). Implementation of Counselling Guidance for Children with Special Needs. *DINAMIKA Jurnal Ilmiah Pendidikan Dasar* (11)(2).
- Melem Linda Fangwi Ph.D. (2020). Contemporary Counselling Strategies for Persons with Disabilities. *International Journal of Humanities Social Sciences and Education*. 7(9).
- Merriam, S. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. United States of America: Jossey-Bass A Wiley Imprint.
- Mohamad Taha Abol & Zaimuariffudin Shukri Nordin. (2023). Kepelbagaian Gaya Pembelajaran Murid Kurang Upaya Intelektual dalam Program Pendidikan Inklusif di Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* (8) (12).
- Mohd Razimi bin Husin, Muhammad Farhan bin Suhaimi, Suhailah bt Md Hamil, Nurul Natasha bt Azmi, Nurul Umaira Juliana bt Roslid, Nur Nabilah bt Zainal, Nor Balqis bt Kamaruddin, Nur Izzsufi bt Hamizi & Nurul Zulaikha bt Ismawi. (2020). Masalah Pembelajaran untuk murid Pendidikan Khas: Dana dan Prasarana. *International Journal of Humanities. Management and Social Science*
- Nisrin Zalchary Anoil & Abu Yazid Abu Bakar. (2019). Persepsi Guru Terhadap Keperluan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Rendah Luar Bandar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* (4)(31).
- Nor Hazira Hamsi, Mohd Izwan Mahmud & Ruhizan Mohd Yasin. (2020). Meneroka Pengetahuan, Kompetensi dan Cabaran Guru Bimbingan dan Kaunseling Terhadap murid Pendidikan Khas. *Jurnal Dunia Pendidikan* 4(2).
- Norafifah Bali & Mohamad Hashim Othman. (2019). Pelaksanaan Aktiviti Bimbingan dan Kaunseling kepada Murid Berkeperluan Khas. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*. 34 (87-103).
- Nurul Safura Bt Rosli. (2022). Meningkatkan Kehadiran Murid Berkeperluan Khas Pendidikan Khas (MBPK) ke Sekolah dengan Menggunakan Kit Guru Penyayang. *Amalan Terbaik dalam Pendidikan Khas dan Inklusif (Negeri Melaka)* (186-194).
- Othman Lebar. (2014). Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metode. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rosli Suyet, Normadiyahana Abdullah & Abu Yazid Abu Bakar. (2023). Keperluan Dan Cabaran Perkhidmatan Bimbingan dan kaunseling kepada Murid Berkeperluan Khas. *International Conference on Business Studies and Education*
- Saiful Azam Khoo Abdullah. (2020). Keperluan Kemahiran Intervensi Awal bagi Murid Berkeperluan Khas. Keperluan kemahiran intervensi awal bagi murid berkeperluan khas. *Jurnal Kurikulum Bahagian Pembangunan Kurikulum (Volume 3, No. 1, 2020, Pages 58 to 69)*
- Salleh Amat. (2019). Guidance and Counselling in Schools. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research* (32).
- Sazalia Mohd Salleh & Rosadah Bt Abdul Majid. (2019). Persepsi Guru Bimbingan dan Kaunseling Dalam Menjalankan Kaunseling Kerjaya Di kalangan Murid Berkeperluan Khas. *E-prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*.
- Zamri Mahamod, Mohd Haris Rahmat & Noor Aziahana Mohd Fekri. (2020). The Importance of Counselling to Parents with Special Needs Children. *Global Conferences Series: Social Sciences, Education and Humanities (GESSSEH)*(4)